

Kurangkan kerenah birokrasi — PM

Oleh
AZIZAN HASHIM

LANGKAWI 29 Mei — Perdana Menteri Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad mahu supaya kerenah birokrasi di semua jabatan kerajaan dikurangkan bagi memastikan pembangunan negara berjalan lancar.

Menurut beliau, ada pihak yang tidak sanggup meluluskan sesuatu projek bukan kerana ia tidak boleh diluluskan tetapi atas sebab-sebab lain.

"Saya ingin tegaskan, kalau hari ini kita dapati Malaysia dapat dibangunkan dengan pesatnya, sebabnya bukan kerana dahulu tidak boleh berlaku ataupun tidak ada minat oleh pihak swasta untuk membangunkan negara, tetapi mereka dirintangi dengan bermacam-macam halangan birokrasi.

"Dan di sini, birokrasi ini kadang-kadang termasuk juga oleh kerajaan-kerajaan pilihan rakyat," katanya.

Beliau menegaskan demikian kepada pemberita di Lapangan Terbang Antarabangsa Langkawi di sini hari ini sebelum pulang ke Kuala Lumpur setelah menga-

dakan lawatan dua hari ke pulau peranginan ini.

Perdana Menteri menyatakan demikian ketika diminta memperjelaskan teguran beliau kepada pihak-pihak berkuasa supaya bersikap positif dan memberikan kerjasama kepada para pemaju supaya projek pembangunan dapat dilaksanakan dengan berkesan tanpa sebarang halangan.

Perkara itu dibangkitkan oleh Perdana Menteri semasa berucap melancarkan Projek Perkampungan Marina, Port Langkasuka iaitu sebuah pusat peranginan berharga RM1,000 juta di Kuala Muda, Padang Matsirat di sini semalam.

Dr. Mahathir menambah, apabila kerajaan mengambil sikap untuk bekerjasama dengan pihak swasta ia dapati pembangunan negara menjadi begitu pesat dan rakyat mendapat nikmat bahkan dunia mengagumi pembangunan negara ini.

Malaysia hari ini dapat dibangunkan dengan pesat kerana adanya penyertaan pihak swasta setelah kerajaan mengadakan Dasar Persyarikatan Malaysia,

➡ Lihat muka 2

Kurangkan kerena birokrasi — PM

jelas beliau.

Beliau bimbang jika kerajaan terus berpegang kepada cara-cara lama untuk menunjukkan kuasa, negara tidak akan mendapat banyak faedah di masa depan.

“Saya yakin kalau kita masih lagi berpegang kepada cara-cara lama yang apabila kita berkuasa sedikit, maka kita hendak pergunakan, hendak tunjuk kuasa kita, sebaliknya

nya kita tidak begitu ambil berat tentang kebaikan bagi negara. Ini yang menyebabkan dulu sukar bagi kita hendak bangunkan Malaysia,” katanya.

Dr. Mahathir berkata, sebenarnya tidak ada perbezaan sekarang dengan dulu selain daripada masalah birokrasi.

Tambahnya, Kerajaan Pusat menetapkan dasar untuk mengadakan Per-

syarikatan Malaysia dan bukan hendak mengganggu atau menghalang mana-mana pihak semata-mata untuk menunjukkan kuasa.

“Kita mesti bersikap positif, kalau kita fikir sesuatu itu baik, kalau ada silap, kita betulkan supaya dapat dilaksanakan sesuatu projek,” jelasnya.

Kata Perdana Menteri, soal pegawai terpaksa

akur pada peraturan atas arahan pihak atasan tertentu tidak timbul kerana pihak tertentu tidak perlu mengeluarkan arahan itu.

“Pihak tertentu atau bukan patut ada satu sikap sahaja iaitu bagaimana hendak menentukan Malaysia dapat bangun dengan pesat supaya menjadi contoh kepada dunia,” tegasnya.

Beliau menambah: “Ka-

lau dulu orang mengangap kita ini tidak mampu mentadbir negara sendiri, sekarang kita perlu buktikan bahawa kita boleh tadbir negara dengan lebih cekap lagi.”

Beliau yakin Malaysia boleh mencapai kemajuan yang lebih pesat sekiranya semua pihak menerima konsep Persyarikatan Malaysia dan berusaha memajukan negara.